



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENTAKRIFAN ENTRI DIALEK KELANTAN DALAM KAMUS DEWAN  
EDISI KEEMPAT***

**NOOR ROZA BINTI HASSAN**

**FBMK 2021 11**



**PENTAKRIFAN ENTRI DIALEK KELANTAN DALAM KAMUS DEWAN  
EDISI KEEMPAT**

Oleh

**NOOR ROZA BINTI HASSAN**

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah  
Doktor Falsafah**

**September 2019**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta© Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PENTAKRIFAN ENTRI DIALEK KELANTAN DALAM KAMUS DEWAN  
EDISI KEEMPAT**

Oleh

**NOOR ROZA BINTI HASSAN**

**September 2019**

**Pengerusi : Datin Hasnah Mohamad, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Fungsi kamus yang paling penting adalah sebagai sumber rujukan makna pada sesuatu perkataan. Pengguna menggunakan kamus bercetak, elektronik mahupun digital untuk mencari dan memahami makna yang tepat pada sesuatu perkataan. Walau bagaimanapun, bidang perkamusan mempunyai masalah dalam pengkajian dan pentakrifan makna pada sesuatu perkataan kerana perbezaan bentuk pentakrifan (Hasnah, 2008) dan cara persembahan maklumat bagi sesuatu golongan kata juga berbeza antara kamus umum dengan kamus khusus (Ibrahim, 2005). Natijah daripada masalah yang dinyatakan itu, maka *Kamus Dewan edisi keempat* (KD4) telah memperlihatkan pentakrifan entri dialek Kelantan (DK) yang kurang tepat kerana berlakunya pertumpangtindihan makna yang berlingkaran. Masalah ini menyebabkan berlakunya kekeliruan makna kepada pengguna. Bagi mengatasi masalah tersebut, kajian ini telah merangka tiga objektif yang penting, iaitu untuk mengenal pasti entri DK yang bermasalah pentakrifan dalam KD4 berdasarkan prinsip perkamusan, menghuraikan pentakrifan makna entri DK berdasarkan Teori Analisis Komponen Makna (1975) dan menghasilkan satu bentuk pentakrifan baharu bagi entri DK dalam KD4. Bagi mencapai objektif kajian, sebanyak sepuluh entri DK dalam KD4 telah dipilih sebagai data kajian, iaitu *cedas, cendas, cerung, darat, dedes, gagar, gasor, gaya, gelenyar dan jadar*. Metodologi kajian ini menggunakan kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan melibatkan penelitian perbezaan pentakrifan makna yang terkandung dalam KD4 dan semua bahan bertulis yang berhubungan dengan kajian. Kajian lapangan melibatkan sebanyak 30 orang informan dari tiga buah daerah di negeri Kelantan, temu bual dan rakaman audio. Dapatan kajian yang dilakukan telah dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh pengguna dengan mengenal pasti entri DK yang bermasalah pentakrifan dalam KD4, berjaya menghuraikan pentakrifan makna entri DK berdasarkan Teori Analisis Komponen Makna (1975) dan dapat menghasilkan satu bentuk pentakrifan baharu entri dialek. Justeru, usaha merumuskan pentakrifan entri dialek Kelantan dalam KD4 oleh pengkaji

menjadi satu titik permulaan penyemakan semula bentuk pentakrifan dalam KD terutama makna kata dialek.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE DEFINITION OF KELANTANESE DIALECT ENTRY  
IN THE *KAMUS DEWAN FOURTH EDITION***

By

**NOOR ROZA BINTI HASSAN**

**September 2019**

**Chairman : Datin Hasnah Mohamad, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

The primary purpose of the dictionary is to provide the source of reference for the meaning of word. The users use printed, electronic, or digital dictionaries to find and understand the exact meaning of word. However, the field of lexicography has encountered issues in terms of research and the definition of each word due to the inconsistency in the definition (Hasnah, 2008) and the way the information was presented which was different between general and specific dictionaries (Ibrahim, 2005). Consequently, *Kamus Dewan Fourth Edition* has shown inaccuracy in Kelantanese dialect entry definition due to the overlapping meaning in some entries. This issue has caused confusion among the language users in understanding the definition of word. Hence, three objectives were developed to identify the Kelantanese dialect entries that were wrongly defined in *Kamus Dewan Fourth Edition* based on lexical principles, to elaborate the definition of Kelantanese dialect entries based on the Componential Analysis Theory (1975) and subsequently to give new definition for Kelantanese dialect entries in *Kamus Dewan Fourth Edition*. In order to achieve the objectives of the study, ten Kelantanese dialect entries in *Kamus Dewan Fourth Edition* were selected as the data of the study; which are *cedas*, *cendas*, *cerung*, *darat*, *dedes*, *gagar*, *gasor*, *gaya*, *gelenyar*, and *jadar*. This study used literature review and field research as the methodology. The literature review involved the observation of the differences of definitions in *Kamus Dewan Fourth Edition* and all written materials related to the study. The field research involving 30 respondents who were selected from three districts in Kelantan, were interviewed and audio recorded. The findings of this study were able to address the issues encountered by the users by identifying the Kelantanese dialect entry definitions that were wrongly defined in *Kamus Dewan Fourth Edition*, successfully interpreting the definitions of Kelantanese dialect entries according to the Component Analysis Theory (1975) and producing new definitions for the dialect entries. Therefore, the development of new definitions by the researcher will be the starting point to revise these definitions in *Kamus Dewan Fourth Edition*, especially the entries of dialect.

## PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur sepenuhnya dipanjatkan kepada Allah SWT Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang kerana telah memberikan kekuatan, ketabahan dan semangat kepada saya. Berkat rahmat, hidayah dan ihsanNya, saya berjaya menyelesaikan tesis ini. Saya ingin menitipkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia pengajian saya, Datin Dr. Hasnah binti Mohamad, yang tidak pernah jemu meluangkan masa, membimbing, memberi galakan, tunjuk ajar, sokongan dan menghalusi ke arah penghasilan tesis yang bermutu. Sokongan dan kata-kata perangsang beliau telah menjadi pendorong kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. Adi Yasran bin Abd Aziz dan Prof. Madya Dr. Norazlina binti Mohd Kiram yang banyak memberi panduan dan kritikan membina kepada saya dalam usaha pembaikan tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada para informan, terutama arwah Norhisham Mustafa yang telah banyak memberi maklumat dalam usaha melengkapkan data kajian saya. Ucapan terima kasih yang teristimewa buat suami yang merestui pengajian saya, yang sering menghulurkan bahu dikala saya kehilangan semangat dan tulang belakang untuk saya bersandar disaat kepenatan. Dedikasi ini juga ditujukan khas untuk kakak tersayang, Azelina binti Hassan yang banyak menitipkan doa dan memudahkan perjalanan kajian lapangan saya. Ucapan terima kasih turut dikhususkan kepada adinda, Nur Hidayah Jumaat atas segala perkongsian ilmu yang akan saya kenang dan ingati sepanjang hayat ini. Buat anakanda Muhammad Uwais (yang sedang belajar mengenali bahasa ibundanya), Nurrudin dan Nurul Aqilah yang masa luang saya terpaksa dikorbankan untuk tesis ini. Tidak dilupakan buat arwah ayahanda, Haji Hassan bin Mamat dan arwah bonda, Hajah Meriam binti Awang yang tidak sempat melihat kejayaan ini. Akhir sekali, penghargaan ini saya tujukan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga hasil penyelidikan dan penulisan ini dapat dijadikan wadah ilmu untuk manfaat umat sejagat dan usaha penyebaran ilmu ini diberkati Allah.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai mematuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Datin Hasnah Binti Mohamad, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Adi Yasran Bin Abdul Aziz, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Norazlina Binti Mohd Kiram, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbis dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Noor Roza Binti Hassan, GS29027

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan: Datin Dr. Hasnah Mohamad

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Norazlina Mohd Kira

## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xiv
<b>SENARAI PETA</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Batasan Kajian	7
1.8 Definisi Operasional	10
1.8.1 Pentakrifan Kamus	10
1.8.2 Dialek Kelantan	12
1.8.3 <i>Kamus Dewan Edisi Keempat</i>	14
1.9 Kesimpulan	16
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Kajian Aspek Leksikografi	17
2.3 Kajian Aspek Dialek Kelantan	29
2.4 Kajian Menggunakan Teori Analisis Komponen Makna	34
2.5 Kesimpulan	37
<b>3 METODOLOGI</b>	
3.1 Pengenalan	38
3.2 Reka Bentuk Kajian	38
3.3 Bahan Kajian	38
3.4 Pengumpulan Data	41
3.5 Lokasi Kajian Lapangan	41
3.5.1 Jajahan Pasir Mas	43
3.5.2 Jajahan Pasir Puteh	43
3.5.3 Jajahan Kota Bharu	44
3.6 Kaedah Kajian	45
3.6.1 Teknik Temu Bual	46
3.6.2 Teknik Rakaman	49
3.7 Kaedah Analisis Data	49

3.7.1	Teori Analisis	50
3.7.2	Teori Analisis Komponen Makna (1975)	50
3.7.3	Tatacara Kajian	54
3.7.4	Kerangka Konseptual	55
3.8	Kesimpulan	55
<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	56
4.2	Penganalisisan Data	57
4.2.1	Entri DK <i>Cendas</i>	57
4.2.1.1	Pentakrifan dalam KD4 Berbentuk Sinonim	57
4.2.1.2	Penilaian Semula Pentakrifan Berdasarkan Teori Analisis Komponen Makna (1975)	60
4.2.1.3	Pentakrifan Baharu Entri DK <i>Cendas</i>	63
4.2.2	Entri DK <i>Cedas</i>	65
4.2.2.1	Pentakrifan dalam KD4 Berbentuk Sinonim	65
4.2.2.2	Penilaian Semula Pentakrifan Berdasarkan Teori Analisis Komponen Makna (1975)	69
4.2.2.3	Pentakrifan Baharu Entri DK <i>Cedas</i>	77
4.2.3	Entri DK <i>Cerung</i>	78
4.2.3.1	Pentakrifan dalam KD4 Berbentuk Sinonim	78
4.2.3.2	Penilaian Semula Pentakrifan Berdasarkan Teori Analisis Komponen Makna (1975)	81
4.2.3.3	Pentakrifan Baharu Entri DK <i>Cerung</i>	83
4.2.4	Entri DK <i>Darat</i>	84
4.2.4.1	Pentakrifan dalam KD4 Berbentuk Sinonim	84
4.2.4.2	Penilaian Semula Pentakrifan Berdasarkan Teori Analisis Komponen Makna (1975)	87
4.2.4.3	Pentakrifan Baharu Entri DK <i>Darat</i>	88
4.2.5	Entri DK <i>Dedes</i>	90
4.2.5.1	Pentakrifan dalam KD4 Berbentuk Sinonim	90
4.2.5.2	Penilaian Semula Pentakrifan Berdasarkan Teori Analisis Komponen Makna (1975)	93
4.2.5.3	Pentakrifan Baharu Entri DK <i>Dedes</i>	96
4.2.6	Entri DK <i>Gagar</i>	98
4.2.6.1	Pentakrifan dalam KD4 Berbentuk Sinonim	98
4.2.6.2	Penilaian Semula Pentakrifan Berdasarkan Teori Analisis Komponen Makna (1975)	102
4.2.6.3	Pentakrifan Baharu Entri DK <i>Gagar</i>	104
4.2.7	Entri DK <i>Gasor</i>	106
4.2.7.1	Pentakrifan dalam KD4 Berbentuk Sinonim	106
4.2.7.2	Penilaian Semula Pentakrifan Berdasarkan Teori Analisis Komponen Makna (1975)	109
4.2.7.3	Pentakrifan Baharu Entri DK <i>Gasor</i>	111

4.2.8	Entri DK <i>Gaya</i>	112
4.2.8.1	Pentakrifan dalam KD4 Berbentuk Sinonim	112
4.2.8.2	Penilaian Semula Pentakrifan Berdasarkan Teori Analisis Komponen Makna (1975)	115
4.2.8.3	Pentakrifan Baharu Entri DK <i>Gaya</i>	117
4.2.9	Entri DK <i>Gelenyar</i>	118
4.2.9.1	Pentakrifan dalam KD4 Berbentuk Sinonim	118
4.2.9.2	Penilaian Semula Pentakrifan Berdasarkan Teori Analisis Komponen Makna (1975)	120
4.2.9.3	Pentakrifan Baharu Entri DK <i>Gelenyar</i>	123
4.2.10	Entri DK <i>Jadar</i>	124
4.2.10.1	Pentakrifan dalam KD4 Berbentuk Sinonim	124
4.2.10.2	Penilaian Semula Pentakrifan Berdasarkan Teori Analisis Komponen Makna (1975)	126
4.2.10.3	Pentakrifan Baharu Entri DK <i>Jadar</i>	129
4.3	Kesimpulan	130
<b>5</b>	<b>PENUTUP</b>	
5.1	Pengenalan	131
5.2	Entri DK dalam KD4 yang Bermasalah Pentakrifan	131
5.3	Pentakrifan Entri DK Berdasarkan Teori Analisis Komponen Makna (1975)	134
5.4	Pentakrifan Baharu Entri DK dalam KD4	134
5.5	Cadangan Penambahbaikan dan Sumbangan	136
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	139
	<b>LAMPIRAN</b>	146
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	179

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1	Jumlah Kata Dialek dalam KD1 dan KD2	7
2	Jumlah Entri Dialek dalam KD4	8
3	Jumlah Entri dalam KD dari Edisi Pertama hingga Edisi Keempat	39
4	Maklumat Daerah Kajian Lapangan	45
5	Entri DK dalam KD4 yang Bermasalah Pentakrifan	57
6	Analisis Komponen Makna Entri <i>Cendas</i>	60
7A	Analisis Komponen Makna Entri <i>Cendas</i> Makna 1	70
7B	Analisis Komponen Makna Entri <i>Cendas</i> Makna 2	71
7C	Analisis Komponen Makna Entri <i>Cendas</i> Makna 1	72
7D	Analisis Komponen Makna Entri <i>Cendas</i> Makna 2	73
8	Analisis Komponen Makna Entri <i>Cerung</i>	81
9	Analisis Komponen Makna Entri <i>Darat</i>	87
10A	Analisis Komponen Makna Entri <i>Dedas</i>	93
10B	Analisis Komponen Makna Entri <i>Dedas</i>	94
11	Analisis Komponen Makna Entri <i>Gagar</i>	102
12	Analisis Komponen Makna Entri <i>Gasor</i>	109
13	Analisis Komponen Makna Entri <i>Gaya</i>	115
14A	Analisis Komponen Makna Entri <i>Gelenyar</i>	120
14B	Analisis Komponen Makna Entri <i>Gelenyar</i>	121
15	Analisis Komponen Makna Entri <i>Jadar</i>	126

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1	Carta Makna Entri <i>Cendas</i>	58
2	Carta Makna Entri <i>Cedas</i>	67
3	Carta Makna Entri <i>Cerung; bercerung</i>	79
4	Carta Makna Entri <i>Darat</i>	85
5	Carta Makna Entri <i>Dedes</i>	91
6	Carta Makna Entri <i>Gagar</i>	99
7	Carta Makna Entri <i>Gasor</i>	106
8	Carta Makna Entri <i>Gaya</i>	113
9	Carta Makna Entri <i>Gelenyar</i>	119
10	Carta Makna Entri <i>Jadar</i>	125

## SENARAI GAMBAR

<b>Gambar</b>		<b>Halaman</b>
1	Kuda <i>Cendas</i> Seorang Lelaki	60
2	Lelaki <i>Dedes</i> Makanan Dari Dalam Periuk	93
3	Lelaki <i>Gagar</i> di dalam Laci	101
4	Lelaki <i>Gagar</i> Ikan di dalam Air	101
5	Lelaki <i>Gasor</i> Betis	109



## SENARAI PETA

### Peta

1	Peta Jajahan Pasir Mas	177
2	Peta Jajahan Ketereh	178
3	Peta Jajahan Kota Bharu	179



## SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DK	Dialek Kelantan
KD	Kamus Dewan
KD1	Kamus Dewan Edisi Pertama
KD2	Kamus Dewan Edisi Kedua
KD4	Kamus Dewan Edisi Keempat
KI	Kelantan
ki	Kiasan
KM	Kamus Multimedia
TAKM	Teori Analisis Komponen Makna
TR	Teori Relevan
TUP	Teori Umum Peristilaha

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Kamus merupakan daftar bentuk-bentuk linguistik yang telah disosialisasikan, yang tersusun secara sistematis, yang dihimpun daripada kebiasaan-kebiasaan bahasa sesuatu masyarakat bahasa tertentu dan yang didokumentasikan oleh penyusun dengan cara yang sedemikian rupa sehingga pembaca memenuhi syarat memahami makna setiap bentuk terpisah, dan diberi maklumat tentang fakta-fakta yang relevan yang ada kaitannya dengan jenis-jenis utama kamus, iaitu yang terutama sekali berhubungan dengan makna (Zgusta, 1977). Kamus menjadi bahan rujukan penting dalam kalangan masyarakat pengguna bahasa yang terdiri daripada para pelajar sekolah hinggalah kepada para pelajar di pusat pengajian tinggi; para pensyarah; para pekerja di sektor kerajaan mahupun sektor swasta dan para penulis. Penggunaan kamus dalam kalangan masyarakat adalah untuk mencapai tujuan yang dikehendaki oleh para pengguna.

Hartman (1993) berpendapat bahawa terdapat beberapa fungsi utama bagi sesebuah kamus, antaranya untuk memastikan ejaan dan sebutan sesuatu perkataan yang tidak pasti, memenuhi perasaan ingin tahu berkaitan asal-usul sesuatu perkataan, mencari padanan sinonim yang sesuai bagi sesuatu leksikal dan menterjemah daripada atau ke bahasa asing dan sebagainya.

Kamus mempunyai hubungan yang cukup erat antara leksikologi dengan leksikografi. Hubungan antara leksikologi dengan leksikografi dalam penyusunan sesebuah kamus sangat penting bagi membantu pengguna mencapai tujuan yang dikehendakinya. Penerapan ilmu leksikologi dalam penyusunan sesebuah kamus adalah penting bagi memenuhi keperluan pengguna untuk merujuk sesebuah kamus. Terdapat beberapa pandangan yang dikemukakan oleh ahli linguistik tentang pengertian leksikologi. Harimurti (2001) memberi pengertian leksikologi mencakupi dua bidang, iaitu leksikologi deskriptif dan leksikologi historis-komperatif.

Leksikologi deskriptif mencakupi semantik leksikal, pembentukan kata, kelas kata dan fraselogi. Leksikologi historis-komperatif pula terdiri daripada semantik, leksikal, historis, kajian peminjaman kata, etimologi dan dialektologi (leksikal). Oleh itu, leksikologi merupakan kegiatan untuk menginventorikan kata secara sistematik dalam bentuk glosari, kamus, tesaurus ataupun ensiklopedia. Sementara Noresah Baharom *et. al* (2009) memberikan pengertian leksikologi secara ringkas, iaitu sebagai cabang ilmu yang meneliti makna dan asal-usul perkataan. Dengan demikian, leksikografi secara umumnya merujuk kepada kaedah dan proses penyusunan kamus. Dalam penyusunan sesebuah kamus bagi mencapai kesempurnaan fungsinya, maka kedua-dua bidang leksikografi, iaitu leksikologi deskriptif dan leksikologi historis-komperatif sangat penting dikuasai oleh ahli leksikografi.

Sejarah perkembangan penyusunan kamus bahasa Melayu di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu peringkat awal yang meliputi penghasilan daftar kata yang dihasilkan dengan tujuan untuk memudahkan urusan perdagangan, peringkat perkembangan dan peringkat pemantapan. Perkamusan di Malaysia telah dicatatkan bermula dengan perakaman daftar kata. Menurut Asmah Omar (2008), senarai kata paling awal ialah *Senarai Kata Cina-Melayu* yang terdiri daripada 482 kata Melayu dengan padanannya dalam bahasa Cina, yang dikumpul antara tahun 1403M hingga 1511M. Pada tahun 1521, muncul pula senarai kata yang kedua, iaitu *Senarai Kata Itali-Melayu* yang dikenali juga sebagai *Senarai Kata Pigafetta*. Beberapa tahun selepas *Senarai Kata Pigafetta*, muncul pula *Kamus Belanda-Melayu* pada tahun 1603 yang ditulis oleh Frederick de Houtman. Zaitul Azma Zainon (2005) berpendapat bahawa penghasilan kamus awal ini telah memberi sumbangan besar dari pelbagai aspek kehidupan manusia sejagat.

Peringkat perkembangan penyusunan kamus dianggap bermula selepas penyusunan sebuah kamus Melayu-Latin bertajuk *Dictionarium Malaico-Latinum et Latinum Malaicum* pada tahun 1631 oleh seorang paderi bernama David Haex. Penyusunan kamus pada peringkat awal ini digunakan oleh para pedagang dan mubaligh Kristian. Usaha ini seterusnya diikuti oleh beberapa sarjana lain seperti Thomas Bowery, seorang sarjana Inggeris telah menyusun *Malayo and English and English and Malayo* pada tahun 1701. Walau bagaimanapun, penghasilan *A Dictionary of Malay Language* oleh William Marsden pada tahun 1812 telah membawa satu senario baharu dalam perkembangan perkamusan di alam Melayu, yang mana penghasilan kamus ini dianggap sempurna, yang banyak menggunakan kaedah saintifik.

Selepas tahun 1930, penyusunan kamus mula dipelopori oleh pengkaji Melayu. Antara pengkaji Melayu tersebut ialah Mohd Adnan Mohd Ariffin yang telah menyusun *Kamus Tikaman Bahasa* pada tahun 1934 dan Mohd Said Sulaiman yang telah berjaya menghasilkan *Buku Katan Kamus Melayu P.M.P.B* pada tahun 1936 (sekadar menyebut beberapa nama).

Peringkat ketiga merupakan peringkat pemantapan, iaitu melibatkan proses penyusunan kamus ekabahasa bahasa Melayu. Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1956 telah membawa pembaharuan kepada perkembangan perkamusan di Malaysia. Penerbitan *Kamus Dewan* (KD) oleh DBP dianggap sebagai titik permulaan perkembangan kamus moden di Malaysia. KD disusun berdasarkan beberapa kriteria, antaranya seperti berikut:

- i. Sudah terdapat kamus-kamus lain yang diterbitkan, mempunyai kandungan yang mantap dan meluas penggunaannya seperti *A Malay English Dictionary* oleh R.J. Wilkinson, *Kamus Bahasa Melayu* oleh R.O. Winstedt dan *Kamus Umum Bahasa Indonesia* oleh W.J.S. Poerwadarminta.
- ii. Penambahan entri kata-kata klasik dan moden yang dikutip melalui melalui bahan bercetak seperti novel, akhbar dan sebagainya.
- iii. Entri yang terdiri daripada kata-kata dialek dari pelbagai dialek dimasukkan yang akan diberi label mengikut negeri.
- iv. Kata-kata peribahasa yang dikutip daripada buku peribahasa.

Bertitik tolak daripada kriteria-kriteria tersebut, maka adalah menjadi satu keperluan kepada DBP untuk membangunkan sebuah kamus umum bahasa Melayu yang berfungsi merakam kata dan boleh menjadi pegangan serta panduan kepada pengguna.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian tentang pentakrifan entri dialek dalam kamus pernah dilakukan oleh Sapura Dalmi Dalmi dalam kajian tesis sarjananya pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, Sapura Dalmi (2011) hanya membataskan kajiannya kepada dialek Kuala Kangsar sebagai entri dalam kamus ekabahasa dengan membuat pembahagian kepada empat kategori, iaitu kata nama, kata ganti diri, kata kerja dan kata sifat. Hasil daripada kajian yang dilakukan, Sapura Dalmi (2011) telah menggariskan beberapa persoalan, iaitu tentang keupayaan dialek Kuala Kangsar dijadikan entri dalam kamus bagi menggantikan kata pinjaman dan langkah-langkah yang perlu dilakukan bagi memastikan penggunaan kata dialek Kuala Kangsar dalam kalangan masyarakat pengguna, terutama generasi muda.

Kajian yang melihat pentakrifan makna dialek dalam sesebuah kamus ekabahasa belum pernah dilakukan lagi. Walau bagaimanapun, Kamus ekabahasa terbitan DBP turut memasukkan 13 kategori dialek mengikut negeri dengan penggunaan kependekan label masing-masing sebagai salah satu daripada entrinya.

Contohnya:

Entri Dialek Kedah  
**gelung II**

**Kd** kumpulan (orang jahat dll).

(KD4, 2005:452)

**Takrifan informan:**

Laluan air yang dibuat di batas bendang untuk melalukan air dari satu petak ke petak yang seperenggan dengannya.

Entri DK  
**cakduh**

**Kl** tidak sempurna (perbuatan).

(KD4, 2005:238)

**Takrifan informan:**

Perbuatan yg tidak menitiberatkan, mementingkan atau ketidakpedulian terhadap kebersihan ketika melakukan sst kerja spt memasak, mengemas dsbgnya.

Berdasarkan contoh entri tersebut (sekadar memilih secara rawak untuk dijadikan contoh dengan menyertakan takrifan yang diperoleh daripada informan sebagai perbandingan), pengkaji mendapati pentakrifan makna entri dialek yang diberikan dalam KD4 tersebut tidak menepati makna sebenar bagi dua kawasan tersebut. Keadaan ini terjadi sedemikian kerana tidak terdapat satu sistem yang sesuai dan khusus yang

dibangunkan untuk digunakan sebagai bahan bagi menangani pentakrifan entri dialek yang sebenarnya. Dengan demikian, berlakulah pentakrifan makna yang boleh diklasifikasikan sebagai kurang tepat, hampir tepat atau menyimpang jauh dari makna sebenar yang digunakan oleh penutur jati sesuatu dialek tersebut.

Berdasarkan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam penyusunan kamus ekabahasa Salmah Jabbar Jabbar (1999), Hui Chin (2009), khususnya pentakrifan entri dialek, kajian ini akan mengisi kelompangan yang belum pernah dilakukan secara sistematik. Hal ini kerana takrifan yang diberikan menyebabkan berlakunya kekeliruan terhadap pengguna kamus yang bukan dari penutur asli dan akan mewujudkan kesalahan dari segi penggunaan, walaupun jumlah kamus yang diterbitkan oleh penerbit DBP atau oleh penerbit-penerbit lain banyak terdapat di pasaran. Apabila keadaan tersebut berlaku, kamus akan dipersalahkan dan tahap keyakinan pengguna juga turut goyah dan lebih membimbangkan, keadaan ini akan mencalar kewibawaan serta nama buruk DBP sebagai organisasi yang memperjuangkan bahasa dan persuratan Melayu di Malaysia.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pemerian makna merupakan aspek paling penting dalam penyusunan sesebuah kamus. Dalam bidang leksikografi, peringkat ini paling sukar untuk ditangani kerana pentakrifan sesuatu kata adalah perkara utama yang diperlukan oleh seseorang pengguna apabila merujuk kamus (Norliza Jamaludin, 2002). Kamus Dewan edisi keempat (KD4, 2005) dalam salah satu bentuk pentakrifan dalam penyusunannya telah memilih pendekatan sinonim, iaitu berdasarkan suatu kata yang mempunyai erti yang sama atau persamaan makna pada kata dialek, termasuk dialek Kelantan (DK). Pendekatan sinonim dalam KD4 telah menimbulkan masalah kepada pengguna kerana menyebabkan pengguna menjadi keliru akibat kelingkaran makna, ketaksaan makna dan pertumpangtindihan makna bagi pentakrifan sesuatu entri/subentri dan frasa. Kelingkaran makna bermaksud pembaca terpaksa merujuk kepada sesuatu leksikal yang mempunyai makna yang kurang jelas dan makna yang diberikan dihubungkan dengan makna kata yang hampir sama maksudnya tanpa diberi penerangan berkaitan persamaan atau perbezaan yang wujud. Makna leksikal yang kurang jelas ini menjadikan pengguna akan merujuk dari satu leksikal kepada leksikal yang lain tanpa mendapat jawapan yang sepatutnya. Kesannya, pengguna akan keliru dengan maksud yang diberikan di dalam kamus itu. Ketaksaan makna merujuk kepada kekaburan atau ketidakpastian sesuatu makna manakala pertumpangtindihan makna pula bermaksud makna yang saling tindih-menindih antara satu sama lain.

Penelitian yang dilakukan pada DK dalam KD4 yang menggunakan pendekatan sinonim telah membawa pembaca masuk ke dalam lingkaran makna, ketaksaan makna dan pertumpangtindihan makna. Bagi entri *darat II* (KD4:2005:315) misalnya, disinonimkan dengan kata *bodoh*, *dungu*. Pengguna perlu merujuk makna entri *bebal*, *dungu* dan *tolol* untuk mendapatkan makna bagi entri *bodoh*. Bagi mendapatkan makna pada perkataan *dungu* pula, pengguna perlu merujuk makna perkataan *tongong* (KD4:2005:1708) *bebal* (KD4:2005:143), *bodoh* (KD4:2005:197), *tolol* (KD4:2005:1705) dan juga *dongok* (KD4:2005:362). Bagi memperoleh makna pada perkataan *tolol* pula, pengguna perlu merujuk makna frasa *tumpul otak* dan entri *bodoh*. Meskipun pembaca menemui makna pada setiap kata tersebut, namun makna tidak

sama kerana setiap kata mempunyai nilainya yang tersendiri. Oleh sebab itulah kata *bodoh* tidak sama nilainya dengan kata *dungu* kerana nilai *dungu* lebih rendah daripada nilai *bodoh*. Maka, nilai pada kata yang menyebabkan pembaca keliru untuk mendapatkan makna yang tepat pada DK.

Masalah pentakrifan kata berdasarkan pendekatan sinonim yang mengakibatkan berlakunya kelingkaran makna, ketaksaan makna dan pertumpangtindihan makna telah dicatatkan lagi oleh entri yang dimasukkan dalam KD4 itu kurang tepat dari segi ejaan dan sebutan sebenar. Kecacatan ini menyebabkan berlakunya kekeliruan pemahaman pembaca. Lebih ironis lagi kerana kajian lapangan yang dilakukan telah membuktikan bahawa terdapat entri DK dalam KD4 yang dimasukkan itu tidak merujuk kepada penggunaan sebenarnya dalam kalangan penutur jati DK. Maka, entri tersebut bukanlah indeksikal kepada dunia sebenar penggunaannya, seperti entri *cendas* (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Penelitian awal pengkaji berdasarkan data bertulis dan kajian lapangan membuktikan bahawa entri sebenar yang ingin dirakamkan dalam KD4 ialah *cendeh* [tʃən.dəh] yang bermaksud perbuatan mengangkat atau mengayun sebelah kaki ke belakang bagi binatang seperti lembu, kerbau dan kuda.

Berdasarkan pernyataan masalah dalam pendekatan penyusunan DK4 yang berkaitan dengan dialek, khususnya DK, maka seseorang penyusun kamus itu perlu mahir dalam menangani kepelbagaian bentuk kata sebagai entri dalam kamus ekabahasa bahasa Melayu (Noresah, 2009) agar pentakrifan yang diberikan adalah tepat. Apatah lagi KD4 berperanan sebagai pegangan dan rujukan pengguna bahasa Melayu di Malaysia. Seseorang penyusun kamus yang menangani entri DK juga mestilah memberikan tumpuan yang mendalam kerana DK mempunyai 15 vokal berbanding bahasa Melayu standard yang mempunyai hanya 6 vokal sahaja. Selain itu, DK juga mempunyai perbendaharaan kata yang sama sekali tidak terdapat dalam bahasa Melayu standard (Hashim Musa, 1974). Konsep KD4 yang bertujuan merakam kosa kata dilihat berjaya mengumpul 82,900 entri/subentri/frasa sehingga kini. Jumlah ini sememangnya membuktikan bahawa bahasa Melayu itu sendiri berkembang dengan pesat. Walau bagaimanapun, kemasukan entri dari pelbagai kategori mahupun bidang perlu diperhalusi agar kekeliruan dalam kalangan pengguna kamus dapat diatasi. Noor Roza (2014) mendapati bahawa entri yang dimasukkan dalam KD4 adalah kurang tepat dari segi ejaan dan sebutan sebenar.

#### 1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini telah mengenal pasti beberapa persoalan kajian untuk mencapai objektif yang bertepatan berkaitan tajuk kajian ini. Antara persoalan kajian tersebut adalah seperti berikut:

- i. Adakah wujud entri DK yang bermasalah pentakrifan dalam KD4?
- ii. Bagaimanakah kaedah pentakrifan makna entri DK dalam KD4?
- iii. Apakah pembaharuan yang dapat dihasilkan oleh kajian ini?

## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji pentakrifan leksikal DK dalam KD4 dan secara khususnya mempunyai objektif seperti yang berikut:

- i. Mengenalpasti entri DK yang bermasalah pentakrifan dalam KD4.
- ii. Menghuraikan pentakrifan makna entri DK berdasarkan Teori Analisis Komponen Makna (1975).
- iii. Merumuskan pentakrifan entri dialek Kelantan dalam KD4.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk menyumbang kepada penambahbaikan bentuk pentakrifan entri DK dengan penerapan teori linguistik menggunakan model pentakrifan baharu yang dapat menghasilkan kamus yang lebih tepat maknanya dan bentuk takrifan yang mudah difahami. Kajian ini juga dapat memberi panduan kepada ahli leksikografi melalui pendekatan teoritis untuk menghasilkan satu sistem pentakrifan yang lebih tuntas, mantap dan mudah difahami oleh pengguna. Seterusnya kurangnya kajian yang dilakukan dalam bidang leksikografi oleh penyelidik bahasa Melayu mahupun para akademik mendorong kajian ini dilakukan. Pada waktu yang sama, kajian ini penting untuk melihat semula bagaimana sebutan yang digunakan oleh penutur DK yang sangat berbeza dalam KD4 dan secara tidak langsung akan mengubah makna sebenar sesuatu kosa kata.

Selain itu, kajian ini menjadi perintis kepada kajian yang lebih mendalam berkaitan pentakrifan 13 kata dialek yang lain dalam KD4 bagi menghasilkan takrifan makna yang lebih tepat, mudah difahami dan mesra pengguna. Melalui kajian yang dilakukan, banyak maklumat berkaitan kosa kata dialek dapat dikumpul dan boleh menjadi rujukan kepada pengkaji, ahli bahasa dan penyusun kamus. Kosa kata dialek yang diperoleh dan belum terdapat dalam KD4 boleh dijadikan entri baharu oleh DBP untuk penghasilan kamus ekabahasa yang lain pada masa akan datang oleh DBP.

Kajian ini juga dapat mempertingkatkan minat dan kemahiran pelajar untuk menerokai serta memperoleh maklumat yang terdapat dalam sesebuah kamus. Penghasilan kamus yang lebih mudah difahami dan mesra pengguna secara tidak langsung akan dapat mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Keadaan ini berlaku kerana kamus ekabahasa yang sedia ada tidak memaparkan maklumat yang berkaitan kelas kata, sebutan dan contoh penggunaan (hanya sebahagian kata umum sahaja dimasukkan contoh penggunaan). Sedangkan perkara tersebut sangat penting untuk membantu pengguna kamus bagi memahami makna sesuatu entri dengan lebih mendalam. Ibrahim Ahmad (2002) berpendapat bahawa pentakrifan makna merupakan bahagian yang sangat penting dalam sesebuah kamus. Sedangkan perkara tersebut sangat penting untuk membantu pengguna kamus bagi memahami makna sesuatu entri dengan lebih mendalam. Rumusannya, kajian ini mampu memberi sumbangan dalam bidang bahasa, perkamusan, khususnya penyusun kamus, penyelidik bahasa, ahli akademik, pelajar sekolah dan pengguna bahasa.



## 1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada aspek pentakrifan leksikal DK dalam KD4. Pentakrifan leksikal DK diberi tumpuan kerana DK ialah dialek yang menyumbang kepada jumlah entri yang paling banyak senarai kata dialek yang terkandung dalam KD4 berbanding 13 kata dialek mengikut negeri yang lain, iaitu kira-kira 1052 entri. Berdasarkan penelitian yang dilakukan oleh Noresah Baharom (1993) dalam *Kamus Dewan edisi pertama* (KD1) dan *Kamus Dewan edisi kedua* (KD2) mendapati bahawa terdapat sebanyak 2536 kata dialek dalam KD dan sejumlah 1021 kata DK. Berikut merupakan statistik yang diberikan oleh Noresah (1993):

**Jadual 1: Jumlah Kata Dialek dalam KD1 dan KD2.**

BIL	KATA DIALEK	JUMLAH
1.	Kelantan	1021
2.	Kedah	451
3.	Terengganu	418
4.	Perak	215
5.	Brunei	100
6.	Pahang	70
7.	Johor	51
8.	Pulau Pinang	77
9.	Perlis	92
10.	Negeri Sembilan	29
11.	Selangor	7
12.	Melaka	4
13	Rompin, Endau	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>2536</b>

Kajian mendapati bahawa jumlah keseluruhan kata dialek yang terkandung dalam KD4 adalah 2584 kata dari pelbagai dialek, penambahan sebanyak 48 entri berbanding KD1 dan KD2 yang berjumlah 2536. Bagi entri kata DK, KD4 menunjukkan pertambahan sebanyak 31 entri berbanding KD1 dan KD2, iaitu terdapat kira-kira 1052 entri. Jumlah entri kata dialek dalam KD4 adalah seperti yang dipaparkan di bawah:

**Jadual 2: Jumlah Entri Kata Dialek dalam KD4**

Bil	Dialek	Label	Jumlah Entri
1.	Kelantan	Kl	1052
2.	Kedah	Kd	489
3.	Terengganu	Tr	418
4.	Perak	Pr	215
5.	Pulau Pinang	Pn	93
6.	Perlis	Pl	85
7.	Pahang	Ph	76
8.	Johor	Jh	55
9.	Sarawak	Sr	55
10.	Negeri Sembilan	NS	24
11.	Sabah	Sb	9
12.	Selangor	Sl	8
13.	Melaka	Ml	5
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>2584</b>

Pemilihan DK sebagai korpus kajian juga berkait rapat dengan keunikan DK yang mempunyai perbezaan berbanding dialek lain. Hashim Musa (1974) berpendapat bahawa DK mempunyai sifat-sifatnya yang tersendiri, iaitu dari segi fonemik, DK mempunyai 15 vokal berbanding bahasa Melayu standard yang mempunyai enam vokal. Di samping itu, pengkaji juga berpengalaman dalam kerja-kerja menangani penyusunan entri kamus ekabahasa serta kamus dwibahasa dan berdasarkan pengalaman sebagai penyusun kamus yang merupakan penutur jati DK telah memberi kelebihan kepada pengkaji untuk melakukan kajian berkaitan pentakrifan kata DK.

Berdasarkan jumlah keseluruhan entri DK dalam KD4 yang berjumlah 1052 entri, pengkaji hanya membataskan kepada 34% sahaja, iaitu 360 entri dari abjad A hingga J yang ditakrif menggunakan pendekatan sinonim. Kesemua 360 entri DK dibuat pentakrifan berdasarkan komponen-komponen makna yang difahami melalui kaedah temu bual. Walau bagaimanapun, kajian rintis ini hanya membataskan 10 entri yang bermasalah pentakrifan sahaja. Pemilihan 10 entri ini kerana pentakrifan menggunakan pendekatan secara sinonim banyak menimbulkan kekeliruan kepada pengguna. Pentakrifan yang bertumpang tindih ini memerlukan pengguna merujuk makna dari satu entri kepada makna entri yang lain tetapi pengguna gagal mendapat jawapan terhadap makna entri yang dirujuk. Di samping ejaan dan sebutan yang berbeza berbanding ejaan dan sebutan sebenar DK. Sepuluh entri sahaja dipilih melalui kerana kajian menggunakan analisis komponen makna yang mana memerlukan analisis secara terperinci bagi setiap data. Analisis komponen makna yang dilakukan dapat menghasilkan makna yang lebih tepat. Analisis secara rinci sebagai contoh analisis yang dapat menghasilkan makna yang lebih tepat. Pemilihan ini berdasarkan kepada kesukaran memahami makna, kesalahfahaman yang wujud terhadap makna tersebut dan mengambilkira aspek fonologi yang menunjukkan perubahan bunyi yang disalahtafsirkan sebagai perubahan leksikal. Selain daripada teori yang digunakan itu perlu dihadkan dan bersesuaian dengan jumlah halaman tesis yang ditetapkan oleh Universiti Putra Malaysia.

Bahan yang menjadi sampel kajian ialah data entri DK yang terdapat dalam KD4 dengan memberi pengkhususan kepada takrifan yang kurang tepat yang biasanya berbentuk sinonim, mempunyai ketaksaan makna dan sebagainya. Selain itu, data dari korpus DBP dan data kajian lapangan juga turut dijadikan sampel kajian. Data entri kamus ini dipilih sebagai sampel kajian kerana kesesuaiannya untuk dianalisis melalui bidang semantik. Teori Analisis Komponen Makna (1975) dari disiplin semantik telah digunakan dalam kajian ini. Kajian ini juga menggunakan kaedah kajian lapangan dengan menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan data kajian lapangan daripada 30 orang informan yang terdiri daripada penutur asli dari kawasan yang dipilih, iaitu Jajahan Pasir Mas, Jajahan Pasir Puteh dan Jajahan Kota Bharu di negeri Kelantan.

Menurut Fraenkel dan Wallen (1993), keseluruhan populasi merupakan sasaran *population*, iaitu populasi tersebut memiliki ciri-ciri responden yang diperlukan dalam sesuatu kajian. Antara ciri-ciri tersebut adalah pertama, pemilihan kesemua subjek semestinya berupaya diselenggara bilangannya, mampu diperolehi atau *Accessible population* dan mampu dirumuskan serta tidak terhad kepada sample dan terjamin. Kedua, saiz paling kecil bagi sesuatu ujian inferensi adalah 30 orang dan ini bersesuaian dengan instrumen dalam kajian ini sebanyak 30 orang.

Hair et.al (2006, 2010), Fraenkel dan Wallen (2007) dan Pallant (2007) menyatakan bahawa sample paling kecil jumlahnya bagi satu kumpulan untuk digunakan sebagai analisis multivariant adalah mencukupi seramai 20 orang dan Chua (2009) berpendapat, mencukupi 15 orang bagi sesuatu kumpulan. Manakala Gredlar (1996) berpendapat bahawa bilangan responden ditemu bual memadai antara 7 hingga 12 orang. Creswell et.al (2006) pula menyatakan bahawa bilangan antara 4 hingga 10 orang merupakan jumlah yang bersesuaian untuk digunakan sample bagi kajian kualitatif. Oleh itu, pemilihan 30 orang informan adalah berpada bagi menjawab persoalan kajian ini.

Batasan kajian ini hanya tertumpu kepada tiga daerah di Kelantan, iaitu daerah Pasir Mas, daerah Kota Bharu dan daerah Pasir Puteh. Pemilihan Pasir Mas sebagai lokasi kajian kerana banyak kajian telah dilakukan oleh pengkaji yang lepas seperti Ajid Che Kob Che Kob (1985), Hashim Musa (1974), Maimun Mat Yunus (1977) dan ramai lagi. Kajian ini adalah kesinambungan daripada kajian lepas. Jajahan Kota Bharu pula dipilih sebagai lokasi kajian kerana subdialek Kota Bharu merupakan subdialek yang standard yang digunakan oleh golongan atasan di Kelantan untuk berkomunikasi. Subdialek yang dianggap tinggi ini juga menjadi sokongan kepada subdialek yang lain. Penyebaran sesuatu bahasa juga lebih mudah berlaku di Jajahan Kota Bharu antara satu kawasan dengan kawasan yang lain kerana Kota Bharu merupakan pusat pentadbiran, perdagangan dan pusat kebudayaan bagi negeri Kelantan.

Di samping itu, Kota Bharu turut dijadikan lokasi kajian oleh pengkaji-pengkaji lepas seperti Nik Safiah Karim (1965) dan Nor Hashimah Jalaludin (1994). Manakala pemilihan Jajahan Pasir Puteh sebagai lokasi kajian kerana kedudukan Pasir Puteh yang berada di kawasan pesisir sungai, yang menjadi syarat bagi sesuatu kajian dialek dilakukan. Sesuatu dialek akan berkembang secara semula jadi di kawasan pesisir sungai. Pertembungan antara Sungai Semerak dan Sungai Rasau di jajahan Pasir Puteh

ini merupakan kawasan awal penempatan penduduk. Bersesuaian dengan Bronson (1978) yang berpendapat bahawa pembentukan kerajaan lama di Alam Melayu terbina berasaskan "system sungai". Kerajaan Pahang, Kerajaan Melaka, Kerajaan Kedah dan Kerajaan Johor merupakan antara kerajaan lama yang terbentuk berasaskan sungai (Buyong 1970, Abdul Halim 2008).

## **1.8 Definisi Operasional**

Bahagian ini akan menghuraikan beberapa definisi atau konsep yang digunakan dalam kajian ini agar kajian yang dilakukan lebih difahami, jelas dan lebih terarah. Definisi atau konsep yang berkaitan berdasarkan kepada pendapat para sarjana dan bahan yang dirujuk. Antara konsep yang digunakan ialah seperti berikut:

### **1.8.1 Pentakrifan Kamus**

Asmah Omar Omar (1987) membahagikan pentakrifan makna dalam sesebuah kamus kepada tiga pendekatan, iaitu secara huraian, sinonim dan antonim. Pendekatan secara penghuraian merujuk kepada pendekatan secara deskriptif yang melakukan pentakrifan dengan menghuraikan secara ringkas, mudah dan tepat dengan memasukkan ciri-ciri utama entri tersebut secara berturutan serta teratur untuk menjelaskan makna. Pendekatan secara sinonim pula merujuk kepada pentakrifan yang dilakukan dengan menggunakan padanan satu atau lebih entri dengan satu entri yang lain yang dianggap mempunyai makna yang sama dan boleh bertukar ganti. Manakala pendekatan secara antonim menggunakan kaedah penafian, iaitu menggunakan perkataan antonim sesuatu entri dalam proses pentakrifan makna yang dilakukan. Beliau menjelaskan secara terperinci berkaitan perbandingan tahap kesukaran dalam pemerian makna antara kamus ekabahasa dengan kamus dwibahasa yang mempunyai perbezaan yang jelas. Ibrahim Ahmad (2002) pula berpendapat bahawa kamus ekabahasa dibangunkan berdasarkan maklumat korpus atau perbahanan. Penghuraian dalam kamus ekabahasa dibuat berdasarkan pemerian yang dijelaskan melalui analisis berdasarkan konteks ayat yang terdapat dalam korpus. Aspek pemerian makna merupakan tahap yang paling mustahak dalam tahap penyusunan kamus kerana bahagian tersebut merupakan unsur yang menjadi penanda taraf dan kualiti sesebuah kamus. Zuraini Ramli (2006) mengatakan bahawa pada peringkat pentakrifan merupakan proses yang memerlukan ahli leksikografi mempunyai ilmu teras yang kukuh, khususnya aspek semantik dan pragmatik.

Peringkat pentakrifan merupakan tahap yang paling penting dalam proses penyusunan sesebuah kamus. Bersesuaian dengan salah satu tujuan utama seseorang pengguna merujuk sesebuah kamus adalah untuk mencari makna. Justeru, mutu penghasilan sesebuah kamus akan ditentukan oleh pentakrifan makna yang diberikan terhadap sesuatu entri leksikal. Menurut Nik Safiah Karim (2003), kamus digunakan untuk berbagai kegunaan. Kegunaan paling asas bagi sesebuah kamus adalah sebagai sumber rujukan tentang makna sesuatu perkataan.

Mengikut prinsip perkamusan, pentakrifan kamus boleh dibahagikan kepada beberapa pendekatan, antaranya adalah pentakrifan secara sinonim. Pentakrifan secara sinonim

dilakukan dengan menggunakan padanan satu atau lebih entri dengan satu entri yang lain yang dianggap mempunyai makna yang sama dan boleh bertukar ganti. Pentakrifan secara sinonim ini akan menyebabkan berlakunya makna yang bertukar ganti dan berlingkar-lingkar tanpa menghuraikan makna sebenar entri tersebut. Pengguna akan gagal untuk memahami makna yang dirujuk kerana persamaan makna atau sinonim jati tidak wujud dalam mana-mana bahasa. Gorys Keraf (1981) dalam kajiannya merumuskan bahawa tidak terdapat bentuk sinonim dalam sesuatu bahasa yang murni. Meskipun wujudnya pertindanan makna antara satu perkataan dengan perkataan yang lain, tetapi akan wujud perbezaan makna bagi setiap perkataan tersebut. Pendekatan secara sinonim lebih sesuai digunakan bagi mentakrif kamus dwibahasa. Contoh pentakrifan secara sinonim adalah seperti berikut:

**balah; berbalah** berbantah, bertengkar: budak-budak ini sentiasa ~ sesama mereka;

(KD4, 2005:114)

Pendekatan yang kedua ialah pentakrifan berdasarkan kelas kata sesuatu entri. Melalui pendekatan ini, ahli leksikografi perlu mengetahui kelas kata sesuatu entri itu terlebih dahulu sebelum melakukan pentakrifan bagi memperlihatkan wujudnya hubungan antara entri dengan objek yang ditakrif. Justeru itu, keperluan untuk memasukkan kelas kata dalam kamus ekabahasa dilihat boleh membantu memudahkan kerja-kerja penyusunan kamus dan juga pengguna kamus untuk memahami makna sesuatu entri dengan lebih mudah. Entri yang mempunyai kata nama sebagai kelas kata akan ditakrif menggunakan kata nama, contohnya:

**jentu** tangkai bunga (yg terbesar pd bunga yg berkarang)

(KD4t, 2005:626)

Pendekatan yang ketiga ialah pendekatan secara deskriptif yang melakukan pentakrifan dengan menghuraikan secara ringkas, mudah dan tepat dengan memasukkan ciri-ciri utama entri tersebut secara berturutan serta teratur untuk menjelaskan makna. Pemilihan perkataan yang akan digunakan untuk mentakrif sesuatu entri seharusnya lebih mudah ditanggapi oleh pengguna. Pendekatan deskriptif juga dikenali sebagai pendekatan leksikografi. Misalnya:

**gagak** sejenis burung berbulu hitam dan suka makan bangkai.

(KBSR,2003:108)

**kereta 1.** kenderaan yg memakai roda (ditarik oleh binatang atau digerakkan oleh enjin);

(KD4, 2005:758)

Pendekatan yang keempat ialah pendekatan secara gabungan, iaitu menggunakan pendekatan gabungan antara huraian dengan pendekatan secara sinonim. Melalui pendekatan ini sesuatu entri akan diberi makna secara penghuraian dan akan diikuti dengan pemasukan sinonimnya bagi tujuan mengelakkan berlakunya kelingkaran makna. Misalnya seperti yang berikut:

**bahu I.** bahagian badan antara leher dan pangkal lengan; pundak;  
(KD4, 2005:108)

**bajak I.** alat untuk menggemburkan tanah, tenggala, luku;  
(KD4, 2005: 110)

Kaedah penghuraian ini juga boleh menggunakan pendekatan memasukkan perkataan antonim selepas pentakrifan makna. Misalnya:

**menantu** isteri atau suami kepada anak seseorang: *Menantu Pak Abu ialah isteri atau suami kepada anak Pak Abu*; **antonim:** mentua, mertua;  
(KBSR, 2003:252)

Pendekatan yang terakhir ialah pendekatan menggunakan kaedah penafian, iaitu menggunakan perkataan antonim sesuatu entri dalam proses pentakrifan makna yang dilakukan. Pendekatan yang digunakan oleh KD untuk mentakrif entri bagi kaedah ini adalah dengan menggunakan perkataan “tidak” sebagai definisi. Misalnya:

**abstrak** tidak berupa atau bersifat kebendaan (tidak dapat dilihat atau dirasa dgn pancaindera), tidak konkrit atau maujud, niskala, mujarad: *kesetiaan adalah sesuatu yg ~;* (KD4, 2005:01)

**benci** tidak suka: *ada orang yg ~ melihat kita aman damai dlm rumah tangga;*  
(KD4,2005:159)

Berdasarkan lima pendekatan untuk mentakrif sesuatu entri dalam sesebuah kamus yang dinyatakan tersebut, keadaan ini bersesuaian dengan pendapat Asraf (1995) yang merumuskan bahawa pentakrifan makna memerlukan tanggapan intuitif yang jelas dan pandangan yang menyeluruh supaya kemampuan untuk membantu memudahkan tanggungjawab yang sangat berat ini, pentakrifan makna yang diberikan kepada kamus-kamus yang lain boleh dijadikan perbandingan secara kritis dan bersifat analisis untuk membuka minda.

### 1.8.2 Dialek Kelantan

Hashim Musa (1974) menjelaskan bahawa dialek merupakan perbezaan yang wujud dalam sesuatu bahasa. Manakala James T. Collins (1983) pula mengklasifikasikan dialektologi sebagai mengkhususkan kajian dalam ragam bahasa yang terdapat dalam sesuatu kawasan geografi atau suatu kelompok sosial tertentu. Asmah Omar (2008) membahagikan dialek Melayu kepada 13, iaitu dialek Johor, dialek Selangor, dialek Melaka, dialek Kedah, dialek Perak, dialek Pahang, dialek Kelantan, dialek Terengganu, dialek Negeri Sembilan, dialek Sarawak, dialek Brunei, dialek Kedayan dan dialek Urak Lawoi'. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memberi pengkhususan kepada DK sahaja.

DK merupakan dialek yang dituturkan oleh masyarakat yang mendiami daerah-daerah di Kelantan dan di sempadan Terengganu dan Pahang serta beberapa daerah di wilayah Selatan Thailand. Kelantan merupakan salah sebuah negeri di Malaysia berada di timur laut Semenanjung Malaysia, berhampiran Laut China Selatan di timur. Kelantan pada asalnya merupakan salah sebuah wilayah Thailand sehingga kedatangan British pada tahun 1909 dan merupakan salah sebuah petempatan yang tertua di Alam Melayu. Hampir keseluruhan kawasan datarannya terbentuk daripada lembah Sungai Kelantan.

DK yang digunakan di negeri Kelantan mempunyai banyak kelainan dari segi bunyi sebutan dan makna malah terdapat leksikal yang tidak wujud dalam dialek-dialek Melayu lain di Malaysia. W.E. Pepys (1916) dalam catatannya mengatakan bahawa DK merupakan dialek yang paling sukar difahami oleh penutur lain berbanding dialek-dialek lain di Tanah Melayu. Hal ini kerana DK mempunyai sifatnya yang tersendiri dari segi sebutan dan juga makna. Pendapat tersebut diperkuat oleh Hugh Clifford dan Frank Swettenham (1894) dalam kajian mereka yang berpendapat bahawa di Semenanjung Tanah Melayu, Patani dan Kelantan merupakan negeri yang terlebih kaya dengan perkataan dialek berbanding negeri-negeri lain. Berdasarkan penelitian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap entri leksikal DK dalam KD4, hal ini didapati ada kebenarannya. Misalnya:

bobek (bobék) **KI** merepek.  
(KD4, 2005:196)

bokeh (bokéh) **KI**; **membokeh 1.** mencabut pokok dgn akar-akarnya;  
**2.** mencungkil (utk membuka sesuatu).  
(KD4, 2005:198)

koksir **KI** berselerak (buku dll), tidak teratur atau tersusun.  
(KD4, 2005:804)

Terdapat 13 kategori dialek yang terkandung dalam KD4 dengan jumlah entri dan label kependekan yang berbeza. Antara dialek yang terdapat dalam KD4 ialah DK, dialek Terengganu, dialek Pahang, dialek Johor, dialek Kedah, dialek Melaka, dialek Negeri Sembilan, dialek Perlis, dialek Pulau Pinang, dialek Sabah, dialek Selangor dan dialek Sarawak. Berikut merupakan kependekan label dialek mengikut negeri:

KI - Kelantan  
Jh – Johor  
Kd – Kedah  
MI - Melaka  
NS – Negeri Sembilan  
Ph - Pahang  
Pl - Perlis  
Pn - Penang  
Pr - Perak  
Sb - Sabah  
Sl - Selangor  
Sr - Sarawak  
Tr – Terengganu

Pemilihan DK sebagai bahan kajian kerana DK merupakan dialek Melayu yang paling banyak mempunyai perbezaan sebutan daripada dialek-dialek Melayu yang lain di Malaysia. Selain perbezaan sebutan, DK juga mempunyai makna perkataan yang berbeza berbanding dialek-dialek Melayu yang lain. Di samping itu, DK merupakan dialek yang menyumbang kepada jumlah entri yang paling banyak dalam senarai dialek mengikut negeri yang dimuatkan dalam KD4, iaitu sebanyak 1052 entri, subentri dan frasa daripada keseluruhan kandungan KD4.

Terdapat beberapa pendapat tentang DK yang dilakukan oleh Abdul Hamid Mahmood Mahmood, Nik Safiah Karim dan Hashim Musa. Abdul Hamid Mahmood (2006) berpendapat bahawa DK merupakan satu daripada beberapa dialek bahasa Melayu yang digunakan oleh masyarakat penutur yang berasal dan menetap negeri Kelantan. Nik Safiah Karim (1965) melalui kajian yang telah dilakukan telah membuat kesimpulan bahawa DK merupakan dialek yang menjadi kepunyaan masyarakat yang mana semua masyarakat menggunakannya tanpa mengira perbezaan status sosial, latar belakang dan tempat serta tidak mengira sama ada urusan rasmi atau tidak rasmi. Hashim Musa (1974) melalui kajian yang dijalankan terhadap DK telah membuat kesimpulan bahawa dialek Melayu Kelantan dan juga kawasan yang bersempadan antara Kelantan/Terengganu, Kelantan/Pahang dan Kelantan Thai merupakan dialek yang mempunyai banyak kelainan jika dibandingkan dengan bahasa Melayu.

### **1.8.3 Kamus Dewan Edisi Keempat**

Amat Juhari Moain (1994) telah merumuskan bahawa kamus ekabahasa merupakan kamus yang mengandungi kata entri serta takrifan makna yang menggunakan bahasa yang sama. Manakala Abdul Chaer (2007) menjelaskan bahawa kamus ekabahasa berperanan sebagai elemen bagi pengguna atau penutur atau bukan penutur asli bahasa untuk menambah pengetahuan atau mempelajari bahasa tersebut. KD merupakan kamus ekabahasa bahasa Melayu yang disusun untuk memenuhi salah satu tujuan utama penubuhan DBP pada 22 Jun 1956, iaitu untuk membina dan mengembangkan bahasa Melayu.

KD diterbitkan pertama kali pada tahun 1970 dan sehingga kini KD mengalami sebanyak empat kali proses penyemakan, iaitu pada tahun 1984 (*Kamus Dewan Edisi Pertama*), 1989 (*Kamus Dewan Edisi Baru*), 1994 (*Kamus Dewan Edisi Ketiga*) dan yang terkini pada tahun 2005 (*Kamus Dewan Edisi Keempat*) dengan penambahan entri baharu sebanyak 5000 meliputi kata umum, istilah umum, kata serapan Arab, kata dialek dan sebagainya. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (KD4) terdiri daripada enam kategori kata yang merangkumi kata umum, kata dialek, bahasa percakapan (bahasa kasar, slanga, ungkapan bukan formal dan sebagainya), kata yang digunakan dalam sastera lama, istilah teknikal dan kata pinjaman. Memandangkan pengguna kamus terdiri daripada berbagai latar belakang bahasa dan dialek, KD memberikan maklumat tentang penggunaan kata dengan berpandukan label yang diletakkan selepas kata masukan dan label bagi kata masukan, setiap dialek dilabelkan dengan kependekan masing-masing.



Pemasukan entri dialek dalam KD membuktikan bahawa banyak kosa kata yang berunsur dialek ini memerlukan kajian dan penyelidikan yang lebih mendalam khususnya yang bersangkutan dengan aspek pentakrifan makna bersesuaian dengan perkembangan dan perluasan makna yang semakin berkembang. Dalam kajian penyelidikan ini, kajian hanya mengkhususkan kepada pentakrifan entri kata DK yang terkandung dalam KD4 sahaja. Penyusunan entri dialek dalam KD4 melalui beberapa garis panduan yang perlu diikuti oleh petugas yang melakukan tugas pengumpulan supaya bahan yang terkumpul dapat memenuhi kriteria yang dikehendaki oleh DBP. Tidak semua kata yang terdapat pada sesuatu dialek itu boleh dipilih untuk dikumpulkan. Kata-kata yang merupakan variasi atau pelat daripada kata standard tidak boleh dimasukkan. Sebagai contoh, kata “makang” dalam dialek Terengganu yang merupakan variasi daripada kata baku “makan”. Berikut merupakan kriteria leksikal yang dipilih untuk dimasukkan dalam KD4:

- i. Kata dialek yang dipilih merupakan kata dialek yang tidak tercatat atau terkandung dalam KD (1970/1989).
- ii. Kata dialek yang dikumpulkan sudah dirakam dalam KD (1970/1989) tetapi entri tersebut mempunyai takrifan makna yang berbeza dalam dialek berkenaan (makna yang tercatat dalam KD tidak sama dengan makna yang difahami oleh penutur dialek berkenaan).
- iii. Kata dialek yang sudah terkandung dalam KD (1970/1989) yang diberi penanda dialek.
- iv. Terdapat sejumlah kata yang terkandung dalam KD tidak dilabel sebagai penanda dialek (dianggap kata umum) sebenarnya merupakan kata dialek. Hanya penggunaannya (biasanya penutur asli dialek tersebut) sahaja yang memahami dan mengetahui bahawa kata umum tersebut sebenarnya kata dialek. Kosa kata tersebut akan diberi takrifan semula dan akan dilabelkan dengan penanda dialek.
- v. Kata umum jenis kata klasik atau kata usang yang tidak atau jarang digunakan yang terdapat dalam KD tetapi digunakan sebagai kata harian atau sering digunakan dalam dialek setempat; sama ada dengan makna yang sama atau makna berbeza.
- vi. Kata dialek yang berupa kata seni, kata berunsur budaya dan nama-nama tertentu yang tergolong sebagai sinonim kepada kata umum dalam KD. Dalam kategori ini, termasuk nama kuih, pakaian, permainan, adat resam, kepercayaan, perkakasan dan sebagainya, yang termasuk juga dalam kumpulan ini ialah nama hidupan laut (ikan, karangan), nama tumbuhan (pokok, bunga, buah) dan sebagainya.
- vii. Ungkapan dialek setempat yang tergolong dalam peribahasa, perumpamaan, slanga dan seumpamanya.
- viii. Kata dialek setempat yang usang, yang tidak digunakan lagi dan mungkin terdapat dalam naskhah Melayu klasik.

Walau bagaimanapun pengkaji hanya menggunakan 360 daripada 1052 entri, iaitu jumlah keseluruhan entri DK yang terkandung dalam KD4. Pemilihan dilakukan berdasarkan pentakrifan makna entri yang dilakukan oleh KD4 melalui pendekatan sinonim dan mempunyai makna yang kurang tepat.

## 1.9 Kesimpulan

Peranan DBP sebagai badan yang bertanggungjawab merancang bahasa adalah untuk mendaulatkan dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Pembinaan dan penghasilan kamus merupakan salah satu kegiatan yang perlu dibangunkan oleh DBP. Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan bagi penambahbaikan bahan yang boleh dijadikan rujukan dan panduan bagi kerja-kerja perkamusan yang lebih tersusun dan bermutu bagi kepentingan pengguna. Kajian ini juga penting untuk menambah perbendaharaan ilmu perkamusan.



## BIBLIOGRAFI

- Abdul Chaer. (2007). *Leksikologi dan Leksikografi Indonesia*. Jakarta: Penerbit PT Rineka Cipta.
- Abdul Chaer. (2007). *Kajian Bahasa Struktur Internal, Pemakaian dan Pemelajaran*. Jakarta: Penerbit PT Rineka Cipta.
- Abdul Halim Nasir. (2007). *Lembangan Sungai dalam Peradaban Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adam, K. (1998). The Hard Part of Lexicography. *International Journal of Lexicography*. 11 (1): 51-54
- Adi Yasran Abdul Aziz. (2005). *Aspek Fonologi Dialek Kelantan: Satu Analisis Teori Optimaliti*. Tesis Doktor Falsafah. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ahmad Mahmood Musanif & Arbak Othman. (2004). *Teori Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Kob. (1985). *Dialek Geografi Pasir Mas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2001). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2011). *Teori dan Nahu, Sejarah Pertumbuhan Aliran Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf. (1995). Beberapa Masalah Perkamusan Melayu dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, jil 1, bil 3:196-209.
- Azrizan Abu Bakar dan Karim Harun (2015). Penggunaan Kata Ganti Nama Dialek Kelantan dalam Aplikasi *Whatsapp*. *Jurnal Melayu*, 14(2), 291-306
- Bhasah Abu Bakar. (2007). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bronson, B. (1978). Exchange at the upstream and downstream ends: notes toward a functional model of the coastal state in Southeast Asia. Dlm. Karl L. Hutter (ed.). *Economic Exchange and Sosial Interaction in Southeast Asia: Perspective from prehistory from prehistory, history, and ethnography*, hlm. 39-52. Ann Arbor: Center for South and Southeast Asian Studies, The University of Michigan.
- Buyong Adil. (1972). *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Chambers, J.K., Trudgill, P. (1990) *Dialektologi*. Terj. Annuar Ayub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong, Oi Chin. (2015). *Metabahasa dalam Kamus Ekabahasa Melayu Malaysia dan Indonesia*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia
- Collins, J. T. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- John W. Creswell, Ron Shope, Vicki L. Plano Clark, and Denise O (2006). How Interpretive Qualitative Research Extends Mixed Methods. *Research in The School*, 13(1), 1-11
- Doreen, Hui Chin Foo. (2009). *Sinonim Bahasa Melayu dari Aspek Leksikografi*. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Eka Suryanti. (2014). “Analisis Semantik Verba Bermakna 'Menyakiti' dalam Bahasa Banjar” dlm. *Jurnal Penelitian Bahasa*, Balai Bahasa Jawa Barat, Keluaran Mei 2014, hlm 43-56.
- Ervan Effendi. (2015). “Analisis Komponen Makna Kata yang Bermakna Dasar Memukul dalam Bahasa Madura Dialek Pamekasan” dlm. *Jurnal Ilmu Sastra Indonesia*, keluaran Dis 2015, hlm 1-15.
- Eugene A. N. (1975). *Componential Analysis of Meaning*. Publishers. The Hague: Paris
- Eugene A. N. (1996). *Menerokai Struktur Semantik*. Terj. Mashudi Kader. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatkullina, F., Morozkina, E., Suleimanova, A., & Khayrullina, R. (2016). Terminological Multifaceted Educational Dictionary of Active Type as a Possible Way of Special Discourse Presentation. *International Journal of Environmental and Science Education*, 11(17), 10081-10089.
- Fatmawati Sidik. (2012). *Kata Kerja dalam Slogan Iklan kecantikan Wanita: Analisis Semantik Leksikal*. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Fellbaum, C. (2014). Large-scale lexicography in the digital age. *International Journal of Lexicography*, 27(4), 378-395.
- Fontana, A. & James H. F. (1994). *Interviewing: The Art of Science* dalam Norman K. D. & Yvonna S. L. (ed). *Handbook of Qualitative Research*. California: SAGE Publications.
- Fraenkel, JR & Wallen NE (2007). *How to Design and Evaluate Reseach in Education* (6th). Singapore: McGraw Hill.

- Gavriilidou, Z. (2013). Development and validation of the Strategy Inventory for Dictionary Use (SIDU). *International Journal of Lexicography*, 26(2), 135-153.
- Geoffrey, L. (2003). *Semantik*. Terj. Paina Partana, M.Hum. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Gouws, R. H., & Tarp, S. (2017). Information overload and data overload in lexicography. *International Journal of Lexicography*, 30(4), 389-415.
- Gorys, K. (1981). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Nusa Indah.
- Hair, J.,W., Babin, B., Anderson, R., & Tatham, R., (2006) *Multivariate data analysis*. 6<sup>th</sup> ed., New Jersey: Prentice-Hall.
- Harimurti Kridalaksana. (2001). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Harimurti Kridalaksana. (1993). *Kamus Linguistik Edisi Ketiga*. Jakarta: P.T. Gramedia.
- Hartmann, R.R.K. (1993). *Leksikografi: Prinsip dan Amalan*. Terj. Zainab Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (1974). *Morfemik Dialek Melayu Kelantan*. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Hasnah Mohamad. (2008) *Takrif Istilah Mengikut Perspektif Pengguna: Penerapan Teori Umum Peristilahan (TUP) dan Teori Relevan (TR)*. Tesis Doktor Falsafah. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hugh Clifford & Frank Swettenham. (1894). *Dictionary of the Malay Language: Malay-English*, Michigan: Univrtsity of Michigan.
- Ibrahim Ahmad. (2002). *Perkamusan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Ahmad. (2005). *Perkamusan Melayu: Teori dan Amali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Ahmad. (2011). *Kesenjangan Leksikal: Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Ahmad. (2006). *Variasi Nasional Malaysia-Indonesia: Perbezaan Leksikal dalam Kamus Dewan dan Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Indirawati Zahid. (1999). Analisis Semantik Leksikal dalam Kamus Komputer. kertas kerja Seminar Bahasa Melayu dalam Era Siber dlm, *Dewan Bahasa*. hlm. 28-30.
- Indirawati Zahid & Fatmawati Sidik. (2012). “Analisis komponen makna kata kerja dalam slogan iklan produk kecantikan muka” dlm. *Jurnal Bahasa*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Keluaran Dis 2012. Hlm 256-283.

- Ismail Hussein. (1996). *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- John, L. (1994). *Bahasa, Makna dan Konteks*. Terj. Zahrah Abd Ghafur. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- John, L. (1968). *Introduction to Theoretical Linguistics*. Cambridge: The University Press.
- Kamus Besar Bahasa Melayu*. (1995). Petaling Jaya: Utusan Publication & Distributor.
- Kamus Dewan* Edisi Pertama. (1970). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan* Edisi Kedua. (1989). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan* Edisi Ketiga. (1994). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan* Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Sinonim*. (1992). Kuala Lumpur: Heinemann.
- Kenneth, D. B. (1984) *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Terj. Hashim Awang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairuddin Mohamad, Ghazali Ismail dan Mastura Mohamed Berawi (2015). *Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu, Perkamusan & Terjemahan*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Kosem, I., Lew, R., Müller-Spitzer, C., Ribeiro Silveira, M., Wolfer, S., Dorn, A., & Geeraerts, D. (2019). The image of the monolingual dictionary across Europe. Results of the European survey of dictionary use and culture. *International Journal of Lexicography*, 32(1), 92-114.
- Leech, G. (1974). *Semantics*. New York: Penguin.
- Maruwiah Ahmat (2008) *Kenali Negeri Kita Kelantan*: Shah Alam: Karisma Publication.
- Michael H. W. (1987). *Metode dan Analisis Penelitian: Mencari Hubungan*: Jakarta.
- Moh Nazir. (1985). *Metode Penelitian*. Jakarta: Ghalia Indonesia.
- Mohamad Suhaizi Suhaimi dan Nazri Mustapha Dawan (2018). Pengkaedahan Susun Atur dalam Kamus Dwibahasa. *Malaysian Journal of Media Studies*, 20 (1), 27-37.
- Mohd Sheffe Abu Bakar. (1987). *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mokhtar Ismail. (2011). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marohaini Mohd Yusoff. (2013). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mortimer, J. A. (2007). *Gagasan Agung: Sebuah Leksikon Pemikiran Barat* terjemahan drp buku *The Great Idea: A Lexicon of Western Thought*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Muhadjir, Djoko Kenjono, Ayatrohaedi, Bastomi Ervan, & Nurhadi Magatsari. (1979). *Fungsi dan Kedudukan Dialek Jakarta*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Kebudayaan.
- Nik Safiah Karim. (2003). *Bimbingan Pelajar Bahasa Kita Jilid 1*. Kuala Lumpur: Cerdik Publication Sdn Bhd.
- Nik Safiah Karim. (1965). *Loghat Melayu Kelantan, Suatu Cherakinan Kajibunyi Bahasa*. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Noor Azizah Abu Bakar. (2000). "Metabahasa dan Pengungkapan Definisi dalam Kamus Melayu. Dewan Bahasa". Keluaran Ogos, hlm 863-875.
- Noor Roza Hassan. (2014). Leksikografi, Dialektologi dan Kesinoniman: antara Ketaksamaan dan Ketepatan. *Prosiding Seminar "International Conference in Commemoration of the 50<sup>th</sup> Anniversary of the Department of Malay-Indonesia Studies"* hlm. 260-270.
- Nor Azizah Abu bakar. (2000). Metabahasa dan Pengungkapan Definisi dalam Kamus Melayu dlm. *Dewan Bahasa*, 44:8, 863-875.
- Noresah Baharom *et.al.* (2009). *Kamus dan Perkamusan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaludin. (2007). *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaludin. (1996). "Penelitian Lapangan: Kaedah dan Prinsip Asas" dlm. *Jurnal Bahasa Moden*, Fakulti Bahasa Moden dan Linguistik, Universiti Malaya, Keluaran 10, Hlm. 27-43
- Nor Hashimah Jalaludin. (1994). *Bahasa Jual Beli dalam Perniagaan Runcit: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Bahasa, Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaludin. (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1994). *Bahasa Jual Beli dalam Perniagaan Runcit. Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa, Universiti Malaya.

- Norizah Ardi & Noor Ida Ramli. (1994). Terjemahan Sepintas Lalu dlm. *Pelita Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, Hlm. 40-41.
- Nurul Ain Ahmad. (2015). *Aspek Leksikografi Entri Dialek Kelantan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat*. Tesis Sarjana. Serdang. Universiti Putra Malaysia.
- Pallant, J. (2007). *SPSS survival manual- A step by step guide to data analysis using SPSS for windows(version 15)*, 3<sup>rd</sup> ed., Australia: Allen & Unwin.
- Palmer, F.R. (1989). *Semantik*. Terj. Abdullah Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Palmer, F.R. (1981). *Semantik*. Terj. Abdullah Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Parera, J.D. (2004). *Teori Semantik*. Penerbit Erlangga: Jakarta
- Parera, J. & Danial. (1991). *Teori Semantik*. Jakarta: Erlangga.
- Ramli Md. Salleh et.al. (1997). *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Riduan Makhtar dan Abdul Ganing Laengkang. (2018). Keunikan Dialek Sungai Nenggiri, Kelantan: Satu Analisis Struktural. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 13 (2), 260-273.
- Roksana Bibi Abdullah. (1993). *Kajian Leksikal dalam Teori Medan Makna: Satu Analisis Komponential*. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Ruth, M. K. (1991) *Teori Semantik*: Terj. Zaiton Ab. Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salinah Ja'afar dan Doreen, Foo Hui Chin. (2016). Sinonim dan Kelingkaran Makna dalam Kamus. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salmah Jabbar. (1999). *Kelingkaran Makna dalam Kamus: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Tesis Sarjana. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samarin, W.J. (1993). *Linguistik Lapangan: Panduan Kerja Lapangan Linguistik*. Terj. Kamaruzaman Mahayidin dan Zaharah Abd Ghafur. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sapura Dalmi. (2011). *Dialek Kuala Kangsar Sebagai Entri dalam Kamus*. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sri Nardiati. (2005). "Leksem bermakna "mengelupas" dalam Bahasa Jawa" dlm. *Jurnal ugm*. keluaran Jun 2005.hlm 179-187.
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal dan Tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.



- Salinah Ja'afar & Doreen Foo Hui Chin. (2016). *Sinonim dan Kelingkaran Makna dalam Kamus*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Siti Djuwanrijah (2018). "Analisis Komponen Makna Leksem yang Berunsur Aktivitas Tangan dalam Bahasa Sasak di desa Batu Mekar, Lombok Barat" dlm. *Jurnal Bahasa dan Sastra Indonesia*, Universiti Mataram, Keluaran November 2018, hlm 62-73.
- Sumarsono & Paina Partana (2002). *Sosiolinguistik*. Yogyakarta: SABDA.
- Syed Arabi Idid. (2002). Zikmund, W.G, Babin J.B., J.C. & Griffin, M. (2010). *Business Research Methods* (8<sup>th</sup> ed) Canada: South-Western Cengage Learning
- Ton Ibrahim. (1987). *Kata Kerja Gerak dalam Dialek Kedah: Analisis Komponen Semantik*. Tesis Doktor Falsafah. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Trudgill, P. (1974) *Sociolinguistic and Introduction*. London: Penguin Books Ltd.
- Trudgill, P. (1984) *Sosiolinguistik Satu Pengenalan*. Terj. Nik Safiah Karim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- W. E. Pepys. (1916). A Kelantan Glossary. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. No. 74 (December, 1916)
- Wild, K., Kilgarriff, A., & Tugwell, D. (2013). The Oxford Children's Corpus: using a children's corpus in lexicography. *International Journal of Lexicography*, 26(2), 190-218.
- William J.S. (1993). *Linguistik Lapangan*. Terj. Kamaruzaman Mahayiddin, Zahrah Abd Ghafur. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusriadi. (2007). *Dialek Melayu Ulu Kapuas Kalimantan Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. (1993). *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Safarwan. (1995). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributor Sdn Bhd.
- Zainudin Yusoff. (1999). *Unsur Dialek Kelantan Dalam Novel*. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2005). Kamus dan Kehidupan dlm. *Dewan Bahasa*, jil. 1, bil. 6, hlm 46-49.
- Zuraini Ramli (2006). Buku Katan: Satu Kajian Awal Leksikografi Melayu. dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, jil. 6, bil. 3.
- Zgusta, L. (1971). *Manual of lexicography*. The Hague: Mouton. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.1515/9783111349183>

## BIODATA PELAJAR

NOOR ROZA BINTI HASSAN dilahirkan di Kampung Banir Belikong, Pasir Puteh, Kelantan. Mendapat pendidikan awal di daerah kelahiran, Sekolah Kebangsaan Bukit Abal dari tahun 1979 hingga 1984 dan meneruskan pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Maharaja dari tahun 1985 hingga 1987 dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jawa dari tahun 1988 hingga 1989. Pada tahun 1998 melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda (1998-2001) dalam bidang Bahasa dan Linguistik Melayu (2001-2003) di Universiti Putra Malaysia. Sebaik sahaja menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda, beliau menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana secara separuh masa di universiti yang sama. Semasa berada pada semester pertama pengajian, beliau mendapat tawaran sebagai pensyarah bahasa Melayu di Kolej Polytech MARA. Pada tahun 2003, beliau berjaya menyelesaikan pengajian sarjananya. Pada penghujung tahun 2003, beliau memulakan kerjaya di Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Penolong Perancang Bahasa di Bahagian Perkamusan. Selama sembilan tahun bertugas di Bahagian Perkamusan, beliau telah bertukar ke Bahagian Penyelidikan Sastera. Bermula di bahagian Penyelidikan Sastera, beliau mula melakukan kajian penyelidikan dan mula aktif menulis dan membentangkan kertas kerja di dalam dan juga di luar negara. Sekarang, beliau bertugas di Bahagian Buku Sekolah sebagai Editor buku teks Bahasa Melayu untuk sekolah rendah dan juga menengah.



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA**

**SESI AKADEMIK :** Semester Pertama 2020/2021

**TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :**

PENTAKRIFAN ENTRI DIALEK KELANTAN DALAM KAMUS DEWAN EDISI KEEMPAT

**NAMA PELAJAR :** NOOR ROZA BINTI HASSAN

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (v )

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar)  
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)  
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]